

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
DALAM RENCANA RADIO "PEPERANGAN
MENENTANG KEMISKINAN", PADA 31HB OGOS,
1961

Sejak Rancangan Pembangunan Luar Bandar dilancarkan, saya sendiri telah melawat ceruk rantau tanah air, melawat tiap-tiap daerah dan negeri dan saya berasa puas hati dengan kejayaan-kejayaan yang telah dibuat itu, bukan sahaja tentang projek-projek yang telah disiapkan, seperti jalan raya, perbekalan air, kelinik, balai-balai raya, surau dan sebagainya, bahkan juga kemajuan-kemajuan yang dibuat untuk memperbaiki jentera Kerajaan, dan tentang semangat berusaha, semangat bekerja, semangat bekerjasama dan semangat mahu membina negara.

Matlamat sesebuah negeri itu adalah terletak di dalam genggaman rakyatnya sendiri. Beberapa negara yang baru merdeka biasanya memikirkan perkara-perkara yang telah berlaku dengan menyalahkan penjajah kerana kekurangan kemajuan negaranya. Kita di Malaya, selepas mencapai kemerdekaan menerima tanggungjawab yang penuh untuk dipikul oleh Kerajaan bagi mencapai cita-cita kita.

Kerajaan kita tidak lagi mengenangkan peristiwa-peristiwa yang lama itu, dengan menyalahkan sesiapa kerana tidak menjalankan apa-apa kemajuan. Kerajaan hanya memandang ke hadapan dengan penuh keyakinan, keazaman dan dengan penuh harapan bagi kemajuan dan kemakmuran negara kita.

Negara kita bukanlah sebuah negara yang besar, tetapi banyak lagi kerja-kerja yang hendak dibuat dalam masa beberapa tahun yang akan datang ini, sekiranya Tanah Melayu ingin maju dan ingin mengambil tempat di barisan hadapan dalam negara-negara bebas yang lain di dunia ini. Untuk menjalankan perkara-perkara ini kita mesti menjaminkan bahawa tiap-tiap tenaga perseorangan dan tenaga negara ini tidak disia-siakan dengan perselisihan-perselisihan faham antara kita sendiri.

Kita semua mesti menumpukan tenaga dan ikhtiar kita bagi faedah rakyat jelata terutama sekali mereka-mereka yang tinggal di luar bandar bagi kemakmuran dan kemajuan negara ini.

Sejak Rancangan Pembangunan Luar Bandar dilancarkan Kerajaan telah menjalankan kewajipannya bagi mengadakan kemudahan-kemudahan seperti jalan raya, perbekalan air, kelinik perubatan, balai raya, surau dan sebagainya. Maka sampailah masanya rakyat jelata sekalian memberi kerjasama yang penuh kepada Kerajaan supaya dapat mereka itu menjalankan usaha-usaha bagi menambahkan mata pencarian mereka itu sendiri; dengan itu dapatlah mereka itu, bukan sahaja menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Kerajaan dengan sempurnanya, bahkan dapat meninggikan taraf hidup mereka itu sendiri.